

Soalan Objektif

1. Maklumat berikut menunjukkan pernyataan tentang sebuah pelabuhan di Sabah.

- Pelabuhan di Utara Sabah.
- Tempat mengesport besi ke Funan dan Champa.

Pelabuhan di atas merujuk kepada

- A Santubong
B Gedong
C Bukit Sandong
D Chu-Po
2. Pilih pasangan yang betul tentang kepimpinan kesukuan mengikut kaum di Sarawak.

	Kaum	Ketua
A	Iban	Tuai Rumah
B	Kayan	Laih Rayeh
C	Kenyah	Hipun Uma
D	Kelabit	Peran Lepo

3. Kaum Kadazandusun dan kaum Murut di Sabah mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai
- A Bobohizan
B Babalian
C Orang Tua
D Tuai Rumah

4. Berikut merupakan pernyataan yang berkaitan dengan ketua bebas di Sabah, kecuali
- A mentadbir wilayah di muara sungai.
B mengutip cukai daripada penduduk.
C menegakkan kekuasaan dan menjalankan undang-undang sendiri.
D mempunyai pertalian dengan keluarga diraja.

5. Apakah kegiatan ekonomi masyarakat Sarawak di kawasan pedalaman?

- I Menangkap ikan
II Mengutip hasil hutan
III Memburu
IV Perdagangan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

6. Kaum apakah berasal dari Sungkang, Kalimantan dan berhijrah ke selatan Sarawak?

- A Kaum Melanau
B Kaum Bidayuh
C Kaum Melayu
D Kaum Iban

7. Pua Kumbu merupakan salah satu penghasilan barang kesenian di Sarawak. Pilih pernyataan betul tentang Pua Kumbu.

- A Kerja tangan kaum Melayu yang diperbuat daripada kain sutera.
B Dihasilkan oleh kaum Iban untuk membawa benih padi.
C Dihasilkan oleh kaum Melanau untuk menutup kepala.
D Dihasilkan oleh kaum Iban daripada kain kapas untuk digunakan dalam pelbagai majlis.

8. Maklumat berikut merupakan alatan besi untuk memotong rumput.

Guok dan Badi'

Siapakah yang menghasilkan alat besi tersebut?

- A Kaum Iranun
B Kaum Suluk
C Kaum Bajau
D Kaum Rungus

9. Pilih pernyataan yang betul tentang perayaan Sarawak.

- A Kaum Bisaya mengadakan Pesta Babulang.
B Kaum Iban merayakan Pesta Kaul.
C Kaum Kadayan merayakan Pesta Menuai.
D Kaum Melanau mengadakan Makan Tahun.

10. Tarian Datun Julud berasal daripada

- A Kaum Iban
B Kaum Melayu
C Kaum Murut
D Kaum Orang Ulu